

Arifin pendakwah orang asli

Lelaki Temiar terima Anugerah Pendakwah sempena Maulidur Rasul

NORMAWATI ADNAN

IPOH

Kesungguhan seorang lelaki orang asli dari suku kaum Temiar, Arifin Long Chor, 43, berdakwah sehingga berjaya mengislamkan lebih 200 keluarga orang asli melayakkan beliau menerima Anugerah Pendakwah pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Perak di sini semalam.

Arifin dari Pos Piah Sungai Siput berkata, beliau tidak pernah berputus asa walaupun menempuh pelbagai cabaran pada awal pembabitannya sebagai pendakwah orang asli termasuk dihina dan dipulaukan komuniti sendiri.

Beliau yang memeluk Islam pada usia 15 tahun mendalami ilmu agama bersama

ayahnya sehingga menerima pentauliah sebagai pendakwah daripada Jabatan Agama Islam Perak pada 2000.

"Dipulaukan atau dihina itu sudah jadi perkara biasa kerana memang secara umumnya mereka menganggap orang-orang Islam ini berbeza, bukan sebahagian kelompok mereka lagi.

"Jadi sudah tentulah sangat sukar untuk mendekati Islam kepada mereka.

"Tetapi saya anggap itu hanya cabaran kecil sedangkan pada zaman Rasulullah SAW berdakwah dahulu, lebih hebat dugaannya," katanya pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Perak di Pusat Konvensyen Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya di sini semalam.

Usaha dan tekad beliau tanpa mengenal erti jemu dalam menyemarakkan usaha dakwah telah berjaya mengislamkan lebih 200 keluarga dari empat kampung iaitu Kampung Kembok, Piah, Gentes dan Teras di Pos Piah.

Kemenangan dalam kategori Anugerah Pendakwah itu membolehkan Arifin menerima hadiah wang tunai RM3,000 dan sijil yang disampaikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah.




FOTO: BERNAMA

Sultan Nazrin Shah berkenan menyampaikan Anugerah Pendakwah kepada Arifin Long Chor (dua dari kiri) pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Negeri Perak di Ipoh semalam.

Dalam pada itu, Anugerah Keluarga Mithali pula dianugerahkan kepada bekas tentera, Ahmad Shahabuddin Abd Rashid dari Kampung Kuala Slim, Slim River.

Ketegasan bapa kepada sembilan cahaya mata itu dalam menitikberatkan agama

dan pendidikan berjaya membesarkan anak-anaknya hingga berjaya bergelar pensyarah, jurutera dan pakar psikiatri.

Pada majlis itu, Sultan Nazrin turut berkenan menyampaikan anugerah masjid bagi kategori siak, bilal dan imam.